

# Pegawai KPDPNHEP, MDY direman 6 hari kes rasuah kilang baja

**SUNGAI PETANI** - Seorang pegawai Kementerian Perdagangan Dalam-Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDPNHEP) dan tiga pegawai Majlis Daerah Yan (MDY) ditahan kerana disyaki menerima rasuah daripada kilang baja tidak berlesen di Yan dekat sini tahun lalu.

Pegawai KPDPNHEP berusia 37 tahun itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di rumahnya di Alor Setar, manakala tiga individu lain berusia 50 hingga 54 tahun ditahan di pejabat majlis daerah tersebut.

Tangkapan dilakukan antara pukul 12 tengah hari hingga 1 pe-

tang kelmarin.

Kesemua individu itu kemudian dibawa ke Kompleks Mahkamah Sungai Petani kira-kira pukul 9.45 pagi semalam untuk mendapatkan perintah tahanan reman.

Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Sungai Petani, Mohamad Alif Abdul Aziz memerintah hari semua suspek direman enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, pegawai KPDPNHEP yang bertugas di pejabat Anak Bukit, Alor Setar itu didakwa menerima wang RM11,000

dan sebuah telefon bimbit bernilai RM1,300 daripada pengusahanya kilang baja tersebut.

Perbuatan itu didakwa sebagai dorongan bagi membantu mempercepatkan proses permohonan lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan.

Bagi kes tiga pegawai MDY, mereka didakwa menerima RM4,600 daripada kilang yang sama antara Ogos hingga September 2018.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu sebagai dorongan untuk memproses permohonan lesen kilang baja walaupun mengetahui bangunan kilang tidak memenuhi spesifikasi sebagai sebuah kilang.



PEGAWAI SPRM membawa empat individu untuk mendapatkan perintah reman di Mahkamah Majistret Sungai Petani semalam bagi membantu siasatan kes menerima rasuah daripada kilang baja.